

KAJIAN PENGAMALAN TAKWA DALAM KEHIDUPAN PELAJAR PTSS

MOHD AZLI B. ADNAN¹, ABU ZARRIN B. SELAMAT²,
BORHANNUDIN B. YA³

¹ mohdazli@ptss.edu.my, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

²zarrin@fsk.upsi.edu.my, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

³borhanudin@ptss.edu.my, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

ABSTRAK

Takwa adalah satu diksi bagi menjelaskan kedudukan seseorang manusia di sisi Allah SWT. Keistimewaan takwa akan membawa seseorang itu dalam kondisi sentiasa berwaspada membuat keputusan dalam hidupnya. Pertimbangan pahala dan dosa, baik dan buruk serta manfaat dan mudarat merupakan neraca dalam menentukan segala tindakan. Mulia dan hinanya seseorang bergantung kepada kualiti takwa yang dimilikinya. Kajian yang menggunakan metode kuantitatif ini dilaksanakan bagi mengukur tahap kefahaman, penghayatan dan kesan konsep takwa dalam kehidupan pelajar-pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Populasi kajian ini melibatkan 3623 orang pelajar dari pelbagai jabatan akademik di mana menurut Morgan and Kriejcie (1971) sampel kajian yang akan digunakan ialah seramai 341 orang pelajar. Namun penulis telah mengambil sampel seramai 499 orang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman takwa sampel berada pada tahap baik iaitu 89.1% iaitu baik. Namun min berstatus sederhana iaitu 3.7. Bagi dapatan kajian yang berkaitan pengamalan takwa dalam aspek ibadat adalah 71.3% dan min yang diperolehi adalah 3.74. Kedua-duanya adalah pencapaian sederhana. Bagi dapatan kajian yang berkaitan dengan akhlak telah mencapai peratus 51.88% dan 2.45 pencapaian min. Dapatan ini menghampiri kepada tahap rendah. Ada beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian konstruk ini. Bagi dapatan kajian yang berkaitan dengan kesan takwa adalah mencapai peratus 88.74% dan pencapaian min adalah 3.67. Peratusannya baik namun sederhana pada min.

Kata Kunci: Pengamalan, Takwa, Kehidupan Pelajar

1. Pengenalan

Takwa adalah aset bernilai dalam kehidupan seorang muslim. Kemuliaan seseorang di sisi Allah SWT adalah bergantung kepada kualiti ketakwaan. Seseorang yang memiliki ketakwaan yang padu akan menjadi seorang muslim yang sentiasa taat kepada ajaran Islam. Kehidupan seseorang yang bertakwa penuh dengan kebahagiaan dan kedamaian. Segala kesulitan dan kesenangan yang diterima akan dihadapi dengan sifat sabar dan syukur. Tiada istilah kecewa, putus asa, tekanan dan lupa diri sepanjang mengurus kehidupan. Keyakinan kepada Allah SWT berasaskan takwa akan menjadikan seseorang lebih bergantung harap dan tawakal sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT.

Takwa adalah berasal dari perkataan Bahasa Arab yang memberi maksud menjaga diri, menghindari dan menjauhi (Haddad, 2012). Dari segi istilah Takwa bermaksud takut kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya (Haddad,2012). Takwa menurut al-Qur'an dan al-Hadis adalah membawa pengertian-pengertian seperti berikut :

1. Takwa bermaksud takut [*anxiety*] (Rashid Redha,1997) kepada Allah SWT . Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 4 yang bermaksud: *Dan berimanlah kamu kepada apa yang telah Aku turunkan (al Qur'an) yang membenarkan apa yang ada padamu (Taurat),2. dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama kafir kepadanya, dan janganlah kamu menukarkan ayat-ayat-Ku dengan harga yang rendah, dan hanya kepada Akulah kamu*

harus bertakwa

2. Takwa bermaksud pengabdian [*self obedient*] iaitu taat, patuh, bersyukur dan berzikir dalam hidup dengan ikhlas kerana Allah SWT (al-Sobuni,1999). Maksud ini boleh dirujuk dalam surah Ali Imran ayat 102 yang bermaksud: *Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.*

1 | Page

3. Takwa memberi erti kawalan diri [*self determination*] iaitu usaha gigih untuk membersihkan hati dari noda dan dosa (Rahman, Fazlur. 1999). Pengertian ini terkandung dalam surah al-Nur ayat 52 yang bermaksud: *Dan barang siapa yang taat kepada Allah dan rasul-Nya dan takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya, maka mereka adalah orang-orang yang mendapat kemenangan.*

4. Takwa membawa maksud takut, kawal diri dan taat seperti yang disebutkan dalam hadis di bawah (Nawawi, 1998) yang bermaksud: *Dari Abu Dzarr Jundub bin Junadah dan Abu 'Abdirrahman Mu'adz bin Jabal radhiyallahu 'anhuma, dari Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam, beliau bersabda, "Bertakwalah kepada Allah di mana pun engkau berada; iringilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, maka kebaikan akan menghapuskan keburukan itu; dan pergaulilah manusia dengan akhlak yang baik."*

Berdasarkan dalil-dalil di atas, maka takwa boleh dirumuskan kepada maksud kualiti iman yang didasari dengan ketakutan kepada Allah SWT. Seseorang yang bertakwa akan istiqamah melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya dengan ikhlas. Semuanya dilaksanakan bagi membersihkan diri dari segala dosa, maksiat dan meraih kemuliaan di sisi Allah SWT.

2. Objektif Kajian

Kajian ini dihasilkan oleh penulis untuk membuktikan konsep takwa yang terkandung dalam al-Qur'an sangat berpengaruh dalam kehidupan manusia. Segala keputusan dan tindakan yang akan diambil oleh seseorang adalah berdasarkan kualiti ketakwaannya ketika itu. Andai mantap takwanya, maka mantaplah keputusannya begitulah juga sebaliknya. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan 3 objektif seperti berikut:

1. Untuk mengkaji tahap kefahaman para pelajar PTSS kepada konsep Takwa?
2. Untuk meneliti tahap pengamalan para pelajar PTSS dalam aspek Ibadat dan Akhlak?
3. Untuk mengkaji kesan Takwa dalam kehidupan para pelajar PTSS?

3. Persoalan Kajian

Sehubungan dengan itu, tiga persoalan utama sebagai konstruk telah diutarakan oleh penulis bagi mendasari kajian ini, iaitu :-

1. Sejauhmanakah kefahaman para pelajar PTSS kepada konsep Takwa?
2. Sejauhmanakah pengamalan para pelajar PTSS dalam aspek Ibadat?
3. Sejauhmanakah pengamalan para pelajar PTSS dalam aspek Akhlak?
4. Sejauhmanakah kesan Takwa dalam kehidupan para pelajar PTSS?

4. Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk :-

1. Membuktikan kedudukan konsep Takwa yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadis mampu memberikan impak yang signifikan kepada setiap tindakan seseorang.
2. Membuktikan kedudukan Takwa memberikan suatu pengaruh yang besar dalam aspek Ibadat dan Akhlak seseorang.
3. Membuktikan kedudukan Takwa yang memberikan kesan langsung kepada setiap tindakan seseorang dalam kehidupan seharian.

5. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi menghasilkan dapatan yang boleh menjadi rujukan kepada kajian seterusnya berkaitan kesan takwa dalam kehidupan. Item yang digunakan dalam instrumen ini lebih fokus kepada aspek-aspek asas yang boleh diberikan respon segera oleh responden berkaitan konsep takwa, pengamalan takwa dalam ibadat dan akhlak serta kesan takwa.

Kajian ini menjelaskan aspek-aspek yang menunjukkan ketirisan takwa berlaku kepada generasi muda. Justeru itu, langkah intervensi boleh dirancang dan disesuaikan bagi menjadi salah satu agenda utama menyelamatkan generasi muda negara.

Kajian ini juga menjadi pelengkap kepada kajian sedia ada bagi tujuan penambahbaikan yang mampu memberi impak kepada agenda membangunkan generasi muda.

Kajian ini dapat menjadi rujukan kepada menambahbaik kurikulum Pendidikan Islam sedia ada atau yang bakal digubal. Dapatan dalam kajian ini mampu menyingkap faktor-faktor yang boleh memberikan fokus dan intervensi yang sewajarnya.

6. Kajian Lepas

Berdasarkan pengamatan penulis berkaitan tajuk takwa, masih belum ada tajuk seumpamanya secara khusus dilakukan. Tajuk-tajuk kajian adalah berkisar kepada konsep takwa dan kesannya kepada psikolog dan pendidikan. Kedapatan juga kajian melihat kualiti amalan cara hidup beragama dalam kalangan generasi muda.

Dr. Nooraini Othman pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia telah membuat kajian berkaitan *Taqwa dan Keimanan dari aspek Psikologi dan Pendidikan*. Ini adalah kajian perpustakaan dan deskriptif tanpa melibatkan pensampelan. Penulis telah menggunakan *Ummatic Personality Inventori (UPI)* bagi menilai status responden bagi melihat kualiti Takwa dan Keimanan dari aspek Psikologi dan Pendidikan. Dapatan menunjukkan terdapat faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kualiti ketakwaan seseorang.

Kajian Pengamalan Hidup Beragama dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia antara kajian yang hampir sama tetapi berbeza persoalan kajiannya. Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. Fokus kajian ini adalah untuk melihat amalan hidup beragama yang melibatkan akidah, ibadah dan akhlak. Dapatan menunjukkan amalan beragama masih tinggi dalam kalangan mahasiswa Istitut Pengajian Tinggi Islam.

7. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berkait dengan data diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang akan diedarkan kepada para pelajar yang menuntut di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Kajian ini akan menggunakan 100% populasi pelajar yang sedang menuntut di PTSS iaitu seramai 3623 orang. Daripada jumlah populasi tersebut hanya 314 orang pelajar yang berada pada semester satu hingga semester ketujuh yang akan menjadi sampel kepada kajian ini.

Set soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi 4 konstruk dan 38 item yang perlu dijawab berpandukan 5 skala likert. Data-data soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS version 23.0 bagi mendapatkan peratusan, min dan sisihan piawai.

8. Dapatan Kajian

Terdapat 4 konstruk utama menjadi fokus kajian ini. Hasil respon para pelajar adalah seperti berikut :-

1. Pemahaman pelajar kepada konsep takwa. Terdapat 6 item yang menjadi inti soal selidik. Dapatan bagi 6 item tersebut adalah seperti berikut :

Takwa memberi maksud takut kepada Allah	Saya sering melaksanakan segala suruhan Allah SWT	Saya sering menjauhi tegahan Allah SWT	Takwa mengandungi unsur-unsur takut, harap, sabar dan syukur	Takwa merupakan perisai diri daripada perbuatan maksiat	Takwa boleh diperoleh melalui usaha beramal tanpa jemu secara berterusan
%	%	%	%	%	%
89.08	84.68	76.55	92.29	94.45	93.37
Min	Min	Min	Min	Min	Min
3.71	3.51	3.36	3.74	3.83	3.80

Berdasarkan hasil respon soal selidik didapati peratusan pelajar yang memahami konsep takwa adalah 89.1% dan min bagi konstruk pertama ini adalah 3.7 Ini menunjukkan konsep takwa secara umumnya difahami oleh pelajar-pelajar PTSS.

2. Pengamalan takwa dalam ibadat. Bahagian ini mengandungi 10 item yang dijadikan asas soal selidik. Hasil respon yang diberikan maka hasilnya adalah seperti berikut :

Bersolat penuh 5 waktu	Bersolat Jumaat setiap minggu	Sering bersolat sunat rawatib	Sering bersolat sunat selain sunat rawatib	Sering membaca al-Qur'an
%	%	%	%	%
85	74.40	43.30	50	65.1
Min	Min	Min	Min	Min
3.6	3.0	3.0	3.0	3.2

Sering memberi sedekah	Berpuasa penuh di bulan Ramadan	Sering berpuasa sunat	Sering berzikir	Sering berdoa
%	%	%	%	%
80	85	63	78	89.4
Min	Min	Min	Min	Min
3.4	4.0	3.1	3.31	4.0

Bagi konstruk kedua pula, dapatan menunjukkan peratusan pelajar yang mengamalkan takwa dalam peribadatan adalah sebanyak 71.3% dan min bagi konstruk kedua ini adalah 3.24. Ini menzahirkan amalan takwa dalam aspek peribadatan boleh dibaiki dan perlukan aktiviti intervensi bagi melonjakkan peratusannya.

3. Pengamalan takwa dalam akhlak. Konstruk ketiga mengandungi 12 item yang cuba melihat aspek akhlak. Berikut adalah analisis respon yang diberikan oleh responden :

Sering bercakap benar	Sering membantu orang dalam kesusahan	Sering menjauhi pergaulan bebas	Sering berhati-hati memilih kawan	Sering mengawal kemarahan	Sering memaafkan kesalahan orang lain
-----------------------	---------------------------------------	---------------------------------	-----------------------------------	---------------------------	---------------------------------------

%	%	%	%	%	%
81.13	89	78	86	77.21	84.32
Min	Min	Min	Min	Min	Min
3.44	3.62	3.44	3.61	3.39	3.57

Sering menurut ajakan kawan walaupun bertentangan dengan agama	Pernah melakukan zina	Pernah mencuri	Pernah berjudi	Pernah mengambil bahan yang memabukkan	Pernah menonton video porno
%	%	%	%	%	%
31.44	20.61	16.38	15.79	21.12	21.61
Min	Min	Min	Min	Min	Min
2.02	1.27	1.42	1.06	1.05	1.53

- Bagi konstruk ketiga ini dapatan menunjukkan 51.88% responden telah memberikan jawapan kepada realiti pengamalan takwa mereka dalam aspek akhlak. Min bagi konstruk ketiga ini adalah 2.45. Antara faktor utama rendahnya peratusan dan min adalah berpunca soal selidik yang berkaitan soalan 8 hingga 12 adalah fokus kepada responden menjawab pernah melakukan berbanding tidak melakukan. Justeru itu, soalan ini adalah untuk melihat peratusan yang terlibat berbanding yang tidak terlibat.
4. Kesan takwa dalam kehidupan. Di akhir soal selidik adalah mengandungi 10 item yang berkaitan dengan kesan takwa. Berikut adalah analisis data berkaitan konstruk keempat ini :

Sentiasa mengingati kematian	Sentiasa berfikir baik dan buruk sebelum melakukan sesuatu	Sentiasa mendahulukan hukum agama daripada dorongan nafsu	Sentiasa merasa cukup dengan apa yang dimiliki	Sentiasa merasa malu bila melakukan perbuatan dosa	Sentiasa prihatin kepada hukum halal dan haram
%	%	%	%	%	%
89.28	90.13	84.65	84.36	88.82	89.5
Min	Min	Min	Min	Min	Min
3.69	3.71	3.59	3.55	3.69	3.72

Sentiasa bersabar bila diuji dengan dugaan	Sentiasa bersyukur bila diberikan kesenangan	Sentiasa insaf bila mendengar tazkirah	Sentiasa merasai takut Allah di mana-mana berada
%	%	%	%
87.78	91.91	90.59	90.37
Min	Min	Min	Min
3.63	3.76	3.74	3.78

Berdasarkan analisis di atas jelas menunjukkan amalan ketakwaan dalam kalangan pelajar-pelajar masih kuat. Keseluruhannya peratusan kesan takwa dalam kehidupan pelajar adalah 88.74%. Bagi keseluruhan min pula adalah 3.67. Cuma belum sampai ke tahap terbaik. Dikhuatiri andainya keadaan ini berterusan, tidak mustahil hakisan kekuatan takwa boleh

berlaku.

9. Perbincangan

Berdasarkan analisis data berkaitan empat konstruk di atas, maka berikut adalah sedikit perbincangan yang boleh dijadikan bahan wacana.

Konstruk Pertama

Konstruk ini telah memberikan mesej awal kepada kita semua bahawa tahap kefahaman ketakwaan para pelajar masih belum mantap. Peratusan 89.1% dan min adalah 3.7 masih boleh ditambah baik. Peratusannya baik namun min adalah sederhana. Dalam suasana dunia digital dan lautan informasi yang sarat dengan pelbagai aliran, kefahaman, doktrin, dogma dan elemen pegangan songsang menjadi faktor ketirisan takwa seseorang. Dibantu pula dengan corak hidup yang kurang menitikberatkan nilai hidup beragama menjadi faktor penarik kepada kegelinciran takwa dalam hidup. Belum dilihat pula amalan ibadat harian yang semakin longgar lantaran kesibukan dengan gaya hidup baru. Buktinya adalah pada perbincangan konstruk kedua di bawah.

Konstruk Kedua

Bagi konstruk kedua pula, menunjukkan peratusan pelajar yang mengamalkan takwa dalam peribadatan adalah sebanyak 71.3% dan min bagi konstruk kedua ini adalah 3.24. Angka ini menunjukkan tahap sederhana, namun peratusannya membimbangkan. Konstruk kedua ini adalah manifestasi kepada dapatan konstruk pertama. Penurunan dari 89.1% kepada 71.3% adalah angka yang perlu kita gusarkan. Walaupun nyata peratusan kefahaman ketakwaan agak kuat, namun bila berada dalam kancang menzahirkan kefahaman dalam bentuk amalan peratusan menurun dengan ketara. Kita ada sebab untuk merasa kluatir dalam hal ini. Justeru itu, suatu pelan tindakan intervensi wajar difikir, dirancang dan dilaksanakan bagi menjadi benteng kepada ketirisan dalam beribadat.

Konstruk Ketiga

Bagi konstruk ketiga ini dapatan menunjukkan 51.88% responden telah memberikan jawapan kepada realiti pengamalan takwa mereka dalam aspek akhlak. Min bagi konstruk ketiga ini adalah 2.45. Ini menjelaskan ketidakstabilan amalan takwa dalam aspek akhlak. Peratusan hampir kepada separuh para pelajar masih belum menampakkan takwa dalam aspek akhlak. Sedangkan akhlak adalah antara buah utama kualiti takwa seseorang. Min konstruk ketiga ini masih sederhana, tetapi di tahap hampir kepada rendah. Maka sudah terang lagi bersuluh hampir 50% pelajar masih belum mengamalkan takwa dalam aspek akhlak. Ini merupakan bukti tuntas yang boleh dilihat ketika bermuamalat sesama manusia.

Konstruk Keempat

Keseluruhannya peratusan kesan takwa pada konstruk keempat dalam kehidupan pelajar adalah 88.74% dan min pula adalah 3.67. Peratusan kesan takwa berada di tahap baik namun bila dilihat dari min kesan takwa pada tahap sederhana. Ini memberi mesej kepada kita tahap peratusan kesan takwa dalam kalangan pelajar adalah baik. Namun dari segi min, masih di tahap sederhana. Oleh demikian, boleh dicadangkan kajian seterusnya yang lebih fokus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi kesan takwa dalam mengurus hidup para pelajar.

10. Kesimpulan

Berdasarkan analisis data yang dibincangkan pada tajuk perbincangan, suatu gambaran awal kedudukan konsep takwa dan pengamalannya dalam ibadat dan akhlak boleh kita jadikan bahan wacana. Walaupun konsep ketakwaan baik, namun aplikasi pada ibadat dan akhlak agak membimbangkan kita. Bermakna hubungan dengan Allah SWT ada kepincangan dan hubungan dengan manusia ada ketirisan. Walaupun seseorang itu tahu dan faham konsep takwa, belum ada jaminan dia mahu untuk laksana apa yang disuruh Allah SWT dan tinggal apa yang dilarang oleh Nya. Konsep orang berilmu belum sempurna lagi dari aspek kecukupan ciri-cirinya.

Seterusnya kesan takwa dalam kehidupan pelajar memperlihatkan peratusan yang baik dan min yang memuaskan. Perkara ini wajar menjadi bahan diskusi dan kajian bagi mencari punca-punca utama berlakunya ketidakselarasan antara faham takwa dan impaknya dalam hidup beragama. Kajian ini telah berjaya menyingkap suatu tren orang muda abad 21 ini yang bermaklumat dan berinformasi, namun belum tentu berjaya mengaplikasikan apa yang mereka tahu dan faham dalam amalan seharian.

11. Rujukan

Fazlur Rahman. 1999. *Major Themes Of The Qur'an*. Bibliatheca Islamica.

Minnneapolis.

Habib Abdullah Haddad. 2012. *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*. Pustaka Nasional, PTE LTD, Singapura

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*.

Educational and Psychological Measurement

Muhammad Ali Sobuni. 1999, *Mukhtasar Ibnu Kathir*, Jilid 1 : Darul Sobuni, Kaherah

Muhammad Rashid Redha. 1999, *Tafsir Al-Manar*, Jilid 4 : Darul Fikir, Beirut